

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

THiJARI 2.0 DILANCARKAN BAGI KEMUDAHAN PENDEPOSIT DAN JEMAAH HAJI

KUALA LUMPUR, Isnin, 10 Julai 2017: Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini melancarkan aplikasi terkininya, THiJARI 2.0 semasa Majlis Lebaran Aidilfitri bersama Anggota-anggota di Bangunan **TH**, Jalan Tun Razak.

Menyedari jumlah pengguna telefon pintar di Malaysia yang dijangka mencecah sehingga 17.8 juta pada penghujung tahun 2017 (mengikut kajian laman web Statista), **TH** terus mengorak langkah dengan menambahbaik aplikasi THiJARInya yang pertama kali diperkenalkan pada tahun 2014, dalam usaha mempelbagaikan perkhidmatan interaktif atas talian tanpa sempadan, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Selain itu, kandungan aplikasi ini mempunyai pelbagai kemudahan termasuk ciri-ciri baru tentang haji di mana kemudahan baharu yang dibangunkan bagi manfaat kepada para Jemaah.

Penerbangan pertama ke Tanah Suci tahun ini dijadualkan pada 24 Julai 2017. Sehubungan dengan itu, bakal-bakal jemaah haji boleh membuat semakan jadual penerbangan melalui aplikasi tersebut.

Aplikasi THiJARI 2.0 ini juga membolehkan para pendeposit menyemak status pendaftaran dan tawaran haji. Di samping itu, pengguna dapat mengemaskini urusan akaun pendeposit, pendaftaran dan semakan keahlian Kelab Taha, informasi **TH**, direktori, berita terkini, promosi dan e-Majalah.

Dengan pelancaran THiJARI 2.0, aplikasi ini turut menawarkan perkhidmatan baru, MyQ **TH**. Para pelanggan dan pendeposit boleh mendapatkan nombor giliran secara atas talian dan memilih cawangan **TH** berdekatan bagi membuat urusan di kaunter tanpa perlu membazir masa menunggu tempoh yang lama.

Aplikasi THiJARI 2.0 kini boleh dimuat turun melalui Google Play and App Store secara percuma. Untuk masa terhad ini juga, pendeposit yang memuat turun aplikasi ini dapat menikmati diskaun dan tawaran menarik menerusi portal beli belah Haqqi (<http://haqqi.com.my/>). Para pendeposit yang mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan **TH**, mereka boleh berhubung terus dengan **TH** Contact Centre (THCC) di talian **03 - 6207 1919** atau emel kepada th-info@lth.gov.my.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.